



**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**  
**BORANG PERMOHONAN PERMIT KERJA-KERJA KECIL**

1. Nama Pemohon :.....  
2. No. Kad Pengenalan :.....  
3. Alamat surat menyurat :.....  
4. No Telefon :.....

5. Butiran-butiran rumah yang hendak dibaiki :-  
5.1 No Rumah / Lot :.....  
5.2 Nama / No. Jalan :.....  
5.3 Nama Taman/ Mukim :.....  
5.4 Jenis Bangunan : Kekal / Separuh Kekal / Sementara

6. Bahagian yang perlu dibaiki atau diganti : ( Rujuk Muka Surat Sebelah **Kategori B** Sahaja )

---

---

7. Pengakuan :-

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah sah dan benar. Saya juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perakuan ini dan memahami bahawa sekiranya terdapat maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka urusan ini akan terbatal dan saya boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 ( Akta 171 ), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-undang Kecil Bangunan Seragam UKBS (Perak) 1988, Peraturan atau arahan dari masa ke semasa Majlis Daerah Tanjong Malim dan Syarat-Syarat Permohonan Permit Kerja Kecil seperti yang telah dinyatakan dan sekiranya permohonan saya telah diluluskan, pihak Majlis Daerah Tanjong Malim berhak membatalkan, menggantung atau menarik balik kelulusan permit yang diberikan. Majlis Daerah Tanjong Malim juga berhak merobohkan / mengarahkan saya untuk merobohkan struktur yang telah / sedang saya bina kembali kepada keadaan yang asal dengan segala kos, gantirugi dan kerugian akan ditanggung sepenuhnya oleh saya.

Tarikh :.....

.....  
Tandatangan Pemohon

---

8. **DISEMAK DAN PENGESAHAN ( UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA )**  
**TIADA HALANGAN / TIDAK SOKONG**

DISYORKAN DENGAN BAYARAN PERMIT:

1.	PERMIT	RM104.00	
2.	DEPOSIT	RM250.00	
	JUMLAH	RM354.00	

Tarikh.....

.....  
PELUKIS PELAN (SENIBINA)

---

9. **ULASAN JURUTERA**

Permohonan adalah diluluskan / tidak diluluskan.

Tarikh.....

.....  
b/p Jurutera

## **GARIS PANDUAN KATEGORI KERJA-KERJA KECIL PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN KEDIAMAN**

### **KATEGORI A: KERJA-KERJA UBAHSUI TANPA MEMERLUKAN PERMIT MDTM**

#### **Kerja-Kerja Pembinaan Luaran Yang Minima Atau Yang Siap Secara Buatan Kilang (*Manufactured*):**

1. Memasang atau mengganti alat penyaman udara
2. Memasang *grill* yang telah siap daripada kilang
3. Menambah lampu hiasan di tiang pagar atau tiang tempat letak kereta (*porch*)
4. Kerja-kerja mengecat luar rumah
5. Memasang penyidai kain / ampaian
6. Memasang jubin lain-lain kemas lantai dan dinding luar dengan luas keseluruhan tidak melebihi daripada 6.5 meter persegi
7. Membina atau membaiki lantai lepaan simen luaran yang tidak melebihi daripada 6.5 meter persegi
8. Memasang atau membaiki sesalur tegak air hujan (*rainwater down pipe*)
9. Memasang atau membaiki talang air hujan (*gutter*)
10. Memasang kolam ikan pasang siap
11. Memasang rumah / pondok haiwan pasang siap
12. Memasang gazebo dari jenis pasang siap
13. Memasang siap / meletak rumah / kotak ibadat atau rumah hijau pasang siap
14. Memasang pergola dari jenis pasang siap
15. Mengganti pagar berdawai sedia ada

#### **Kerja-Kerja Pembinaan Dalaman Yang Minima Atau Yang Siap Secara Buatan Kilang (*Manufactured*):**

1. Memasang atau mengganti siling berpanel selain daripada siling lepa (*plaster ceiling*)
2. Membina atau membaiki lantai lepaan simen dalaman yang tidak melebihi daripada 6.5 meter persegi
3. Memasang jubin lain-lain kemas lantai dan dinding dalaman dengan luas keseluruhan tidak melebihi daripada 6.5 meter persegi
4. Kerja-kerja mengecat dalam rumah

#### **Kerja-Kerja Elektrik & Mekanikal:**

1. Kerja-kerja pendawaian untuk tujuan lanskap atau hiasan, CCTV dan pintu pagar automatik
2. Kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal
3. Kerja-kerja penggantian dan penyelenggaraan tangki air dengan mengekalkan saiz asal

#### **Kerja-Kerja Yang Melibatkan Perubahan Struktur Dinding Dalaman Yang Minima Dan Tidak**

##### **Melibatkan Struktur Asal:**

1. Kerja-kerja bukaan
2. Memasang atau mengganti aksesori dinding seperti tingkap dan pintu
3. Penambahan pintu atau tingkap

## **KATEGORI B: KERJA-KERJA UBAHSUAI YANG MEMERLUKAN KELULUSAN PERMIT KERJA-KERJA KECIL MDTM**

### **Kerja-Kerja Pembinaan Luaran:**

1. Mengubahsuai pagar dan tembok sedia ada
2. Mengubahsuai atau membaiki longkang
3. Memasang jeriji besi yang melibatkan kerja-kerja kimpalan *in-situ*, pemotongan jeriji dan bahan pembuangan
4. Mengubahsuai ruang sampah sedia ada
5. Membina pergola
6. Membina takungan air yang tidak boleh melebihi kedalaman 0.5 meter
7. Membina rumah haiwan
8. Membina gazebo
9. Membina rumah / pondok ibadat atau rumah hijau tidak melebihi 1 meter persegi
10. Memasang teduhan seperti senguap (*awning*) dan struktur membran yang melibatkan penambahan tiang dan kabel
11. Sebarang perubahan kemas melibatkan perubahan fasad
12. Sambungan bumbung terbuka yang tidak melibatkan struktur tambahan
13. Sambungan bangunan terbuka tidak melebihi 6.5 meter persegi

### **Kerja-Kerja Pembinaan Dalaman:**

1. Memasang atau mengganti jubin lantai / lain-lain kemas lantai dan / atau dinding melebihi daripada 6.5 meter persegi
2. Membina kaunter dan kabinet bina dalam (*built-in cabinet*)
3. Memasang atau mengganti siling lepa (*plaster ceiling*)
4. Memasang atau membaiki lantai lepaan simen yang melebihi daripada 6.4 meter persegi
5. Mengubahsuai sistem perpaipan
6. Mengubahsuai aksesori sanitari

**KATEGORI C : KERJA-KERJA UBAHSUAI YANG DIKEMUKAKAN OLEH ARKITEK / PELUKIS PELAN  
UNTUK KELULUSAN MDTM (BAGI SEMUA JENIS BANGUNAN KEDIAMAN)**

**Kerja-Kerja Pembinaan**

1. Pengubahsuaian yang melibatkan pertambahan ruang melebihi 6.5 m<sup>2</sup>
2. Pengubahsuaian yang melibatkan pertambahan tingkat berbentuk loteng dan lantai mezzanine bagi bangunan sedia ada
3. Meroboh dan membina semula sebahagian bangunan asal
4. Pemasangan struktur untuk paparan iklan / *billboard*
5. Apa-apa tambahan atau perubahan kepada sesuatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin menjejaskan susunan parit dan kebersihan
6. Membuat atau membina semula bumbung sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya
7. Membina pagar tembok
8. Membina baru depot sampah berpusat
9. Membuat perubahan dinding dalaman atau sekatan (*partition*)

**Kerja-Kerja Elektrik**

1. Pendawaian semula seluruh atau sebahagian bangunan

**Kerja-Kerja Mekanikal**

1. Memasang atau mengganti sistem mekanikal